

256 projek tinjauan mesra PM di Sarawak siap

SAMARAHAN – Sebanyak 256 buah projek bernilai RM229.77 juta yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam tinjauan-tinjauan mesra beliau ke Sarawak telah berjaya disiapkan.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Douglas Uggah Embas (**gambar**) yang juga menteri bertanggungjawab memantau pelaksanaan projek yang diumumkan semasa tinjauan mesra Perdana Menteri berkata, jumlah projek itu

mewakili 74.85 peratus daripada jumlah keseluruhan projek yang diumumkan Najib sejak Februari 2010 untuk Sarawak.

“Perdana Menteri telah mengumumkan sebanyak 342 buah projek bernilai RM2.31 bilion untuk Sarawak dalam tinjauan-tinjauan mesra ini,” katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa pemantauan projek-projek berkenaan di sini semalam.

Menurut beliau, 58 buah projek lagi yang bernilai RM1.85 bilion masih dalam peringkat pelaksanaan sementara 28 buah yang bernilai RM236.2 juta belum dimulakan.

“Isu pengambilan tanah dan reka bentuk projek yang belum selesai adalah antara sebab beberapa projek ini belum dapat dimulakan tetapi saya yakin ia dapat disiapkan dalam tempoh tiga tahun ini,” katanya.

